



Nestlé Good food, Good life

## Press Release

Kuala Terengganu, 6 Jun 2026

### 10,000 Peserta Raikan Gaya Hidup Aktif dan Warisan Budaya di MILO® Malaysia Breakfast Day 2026 Terengganu

Suasana pagi yang meriah menyelubungi Drawbridge ikonik di Kuala Terengganu apabila MILO® Malaysia Breakfast Day 2026 meneruskan jelajah nasionalnya dengan persinggahan kedua di Terengganu, menarik kira-kira 10,000 peserta untuk larian di samping meraikan sarapan berkhasiat, gaya hidup aktif dan semangat kemasyarakatan.

**Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Tuan Haji Lizan Bin Che Mat**, berkata, "Kami amat menghargai MILO® Malaysia Breakfast Day kerana membawa pengalaman yang begitu bermakna kepada komuniti di Terengganu. Acara ini bukan sahaja menekankan kepentingan memulakan hari dengan sarapan yang seimbang dan berkhasiat bersama MILO®, malah turut menggalakkan masyarakat mengamalkan aktiviti fizikal secara konsisten sebagai sebahagian daripada gaya hidup harian mereka. Kami percaya usaha ini dapat menyumbang kepada kesejahteraan menyeluruh, di samping memupuk budaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat."

**Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Mohd Amran bin Mohd Haris** berkata, "Inisiatif komuniti seumpama ini telah lama dilaksanakan menerusi MILO® Malaysia Breakfast Day, seterusnya mencerminkan usaha berterusan dalam menyatukan masyarakat melalui program yang bermakna dan inklusif. Inisiatif ini bukan sahaja mengetengahkan kekayaan serta identiti budaya Terengganu, malah turut menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif di samping memupuk semangat perpaduan serta mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat."

Di Terengganu, pengalaman ini menjadi lebih istimewa apabila MILO® berganding bahu dengan Temasya Budaya Terengganu untuk mencipta sambutan unik yang menggabungkan budaya, seni dan gaya hidup aktif. **Muhammad Yusuf Bin Azfi, 24**, berkata, "Ini merupakan kali pertama kami menyertai MILO® Malaysia Breakfast Day dan kami teruja untuk menjadi sebahagian daripada acara ini yang mempromosikan gaya hidup sihat selari dengan elemen budaya dan warisan. Pengalaman ini amat bermakna kerana kami berpeluang berlari di sepanjang jambatan Drawbridge yang ikonik sambil menggayakan aksesori budaya yang mencerminkan identiti tempatan. Ia merupakan cara yang unik untuk meraikan gaya hidup aktif dan budaya pada masa yang sama, sekali gus menjadikan acara ini lebih bermakna dan sukar dilupakan."

Selain larian santai sejauh 3 kilometer, gerakan sarapan yang penuh keseronokan ini turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti cabaran kecergasan dan permainan interaktif yang menggalakkan penglibatan serta mengeratkan hubungan kekeluargaan. Kehadiran Trak MILO® ikonik turut mengimbau kenangan zaman kanak-kanak bagi ramai peserta.

**Alan Liong, 45**, yang hadir bersama rakan-rakan pendakiannya, termasuk seorang guru bersara berusia 75 tahun, berkata, "Kami saling mengenali melalui aktiviti pendakian beberapa tahun lalu dan lama-kelamaan kami menjadi sahabat rapat. Kami amat menghargai acara yang menyeronokkan seperti MILO® Malaysia Breakfast Day yang kini kami sertai buat kali kedua. Pada usia kami, ia bukan lagi sekadar soal kecergasan, tetapi juga tentang persahabatan, konsistensi dan saling menyokong

untuk terus aktif. Malah, tahun hadapan kami merancang untuk mendaki Gunung Kinabalu bersama-sama bagi menunjukkan bagaimana gaya hidup aktif dapat terus mengeratkan persahabatan kami.

**Ericha Fitrih, 30**, yang menyertai acara ini bersama ahli keluarganya, berkata, "Ini sebenarnya kali pertama kami menyertai MILO® Malaysia Breakfast Day sebagai sebuah keluarga, bermula daripada datuk dan nenek, ibu bapa, adik-beradik hinggalah anak saya yang berusia 19 bulan. Kami mahu melakukan sesuatu yang berbeza dan bermakna bersama-sama berbanding hanya berada di rumah. Bukan selalu tiga generasi dapat berkongsi aktiviti yang sama, dan hari ini benar-benar menjadikannya satu pengalaman yang istimewa buat kami. Kanak-kanak kelihatan ceria, manakala golongan yang lebih berusia pula dapat bergerak mengikut rentak mereka sendiri. Bagi kami, acara ini bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi juga peluang untuk mencipta kenangan indah serta menikmati pengalaman yang sihat dan menyenangkan bersama keluarga."

Selepas permulaan yang berjaya di Sabah dan persinggahan kedua di Terengganu, MILO® Malaysia Breakfast Day 2026 akan meneruskan jelajah nasionalnya ke Kuantan (Pahang), Kelantan dan Sarawak sebelum menutup tirainya dengan acara kemuncak di Putrajaya pada 12 Julai 2026.

\*\*\*\*\*

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia: Menjana Khasiat kepada Rakyat Malaysia sejak Lebih Satu Abad**

Sejak tahun 1912, Nestlé telah menjana khasiat kepada rakyat Malaysia dan membina kepercayaan mereka melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami menyumbang kepada keselamatan makanan serta kepada kesihatan dan kesejahteraan Rakyat melalui jenama yang dipercayai dan komitmen jangka panjang kepada negara dalam bentuk pelaburan, pekerjaan, dan pelbagai inisiatif yang meningkatkan komuniti tempatan. Hari ini, kami mengendalikan enam kilang, dengan lebih daripada 5,000 pekerja rakyat Malaysia. Kami komited menghasilkan produk yang disahkan halal, berkhasiat, dan berkualiti tinggi dengan kelestarian sebagai teras amalan perniagaan kami – buatan Malaysia, untuk rakyat Malaysia.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat yang berpusat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan mempunyai tenaga kerja lebih daripada 270,000 yang berdedikasi, kami didorong oleh matlamat untuk meneroka potensi makanan, meningkatkan kualiti hidup untuk semua, baik hari ini mahupun untuk generasi akan datang. Komitmen kami terhadap nutrisi, kesihatan, dan kesejahteraan membentuk prestasi kami, memastikan kami kekal menunaikan janji, iaitu menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami selama satu abad dalam memberi khasiat kepada rakyat Malaysia, sila lawati laman web kami di <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Bimbit +60 12-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

**Myra Amier**

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138

Bimbit +60 12 644 0510

E-mel: [shahira.amiera@perspective.com.my](mailto:shahira.amiera@perspective.com.my)